



SIARAN MEDIA

SISTEM PENILAIAN KENDIRI PUSAT JAGAAN (MY KENDIRI)

KUCHING, 23 Oktober - YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan pelancaran Sistem Penilaian Kendiri Pengendali Pusat Jagaan (myKendiri) hari ini bertempat di Kuching Autistic Association Care Centre, Kuching, Sarawak.

Sistem Penilaian Kendiri Pengendali Pusat Jagaan (myKendiri) merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan pusat jagaan melalui pembangunan sistem penilaian kendiri secara dalam talian (*online*) sebagai kaedah pemantauan yang lebih mudah diakses dan efektif.

Sistem myKendiri memberikan tanggungjawab kepada Pengendali Pusat Jagaan untuk mengemukakan laporan pengoperasian Pusat Jagaan mengikut suatu tempoh yang ditetapkan dalam memastikan semua Pusat Jagaan Berdaftar mencapai sekurang-kurangnya standard minimum yang ditetapkan Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994.

Sehingga 31 Ogos 2021, terdapat 1,861 pusat jagaan yang telah berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. 759 buah daripadanya

adalah pusat jagaan berkediaman dan 1102 adalah pusat jagaan harian. Manakala daripada segi kategori penghuni pusat jagaan, terdapat 1211 buah pusat jagaan kanak-kanak, 200 buah pusat jagaan OKU, 387 buah pusat jagaan warga emas, 11 buah adalah untuk wanita dan 52 buah adalah pusat jagaan kategori pelbagai iaitu pusat jagaan yang mempunyai lebih daripada satu kumpulan sasar.

“Saya berharap melalui pelaksanaan Sistem myKendiri ini, perkhidmatan pusat jagaan akan menjadi lebih berstruktur dan terkawal untuk keselamatan dan kesejahteraan penghuni dan pengendali pusat jagaan dapat mengukur dan membuat penilaian terhadap perkhidmatan yang diberikan setiap 6 bulan selama sah perakuan pendaftaran. Selain itu, pemantauan dan pemeriksaan oleh Pegawai Diberi Kuasa (PDBK) juga akan menjadi lancar dan efektif dan dapat mengurangkan kes-kes aduan berkaitan pusat jagaan yang tidak mematuhi standard minimum yang telah ditetapkan” ujar YB Menteri dalam ucapannya.

”Saya juga menyeru kepada masyarakat agar lebih cakna dan prihatin dalam memilih pusat jagaan untuk anak atau ahli keluarga. Pemilihan pusat jagaan yang berdaftar adalah lebih baik dan tepat bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan mereka” ujar YB Menteri lagi.

Kementerian optimis pelaksanaan Sistem Penilaian Kendiri Pengendali Pusat Jagaan (myKendiri) ini dapat dilaksanakan sebagai salah satu **Quick Win** yang berimpak tinggi untuk memastikan pusat jagaan berdaftar beroperasi dengan mematuhi semua standard minimum yang ditetapkan.

Kerjasama semua pihak diperlukan sebagai ahli **KELUARGA MALAYSIA** untuk sama-sama mengambil tanggungjawab memperkasa dan

meningkatkan kualiti kehidupan khususnya untuk kumpulan sasar yang terdiri daripada golongan rentan yang amat memerlukan.

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat**
Jabatan Pembangunan Wanita
No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 1884

Tarikh dikeluarkan : 23 Oktober 2021